

18 MAR 2001

Mahathir-GP (Dengan gambar)

DR MAHATHIR RASMI GRAND PRIX MALAYSIA

SEPANG, 18 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Grand Prix Malaysia Petronas, pusingan kedua daripada 17 pusingan Kejohanan Formula Satu Dunia 2001, di Litar F1 Sepang di sini.

Dalam satu upacara yang penuh berwarna-warni, Dr Mahathir, yang merupakan penggerak utama dalam membawa acara berprestij itu ke Malaysia, telah memukul gong yang mencetuskan kesan bunyi yang boleh kedengaran di sekitar litar lumba itu.

Terdahulu itu, Dr Mahathir telah dibawa mengelilingi litar sepanjang 5.543km itu oleh pengerusi Sepang International Circuit (SIC) Tan Sri Basir Ismail dalam sebuah kereta vintaj Mercedes-Benz.

Kesemua 22 pemandu F1 itu turut menaiki sebuah kereta berhias yang bermotifkan songket dan dibawa mengelilingi litar itu.

Majlis perasmian itu diikuti oleh persembahan tarian Zapin oleh kira-kira 200 penari tempatan.

Pancaragam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga muncul buat kali pertama pada perasmian perlumbaan Formula Satu itu, diikuti oleh kira-kira 200 pembawa bendera dari Pusat Laithan Belia Dusun Tua yang dengan bangga mengibarkan Jalur Gemilang.

Turut serta ialah pancaragam dari Sekolah Alam Shah, St John Institution dan Sekolah Menengah Kepong dan persembahan dari Pancaragam Angkatan Tentera Diraja Malaysia.

Ini disusuli dengan pertunjukan aerobatik oleh lima pesawat pejuang FA-18D dari Tentera Udara Diraja Malaysia yang berpangkalan di Subang.

Upacara perasmian itu turut dihadiri oleh Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein, para diplomat, menteri-menteri kabinet dan tokoh-tokoh korporat.

Malaysia, yang menganjurkan perlumbaan F1 sulungnya pada 1999, menjadi tuan rumah pusingan kedua musim GP F1 Dunia untuk tahun ini.

Michael Schumacher dari pasukan Ferrari sedang mendahului daripada segi pungutan mata selepas memenangi pusingan pertama di Australia dua minggu lepas.

Sesi latihan dan sesi kelayakan untuk perlumbaan hari ini diadakan pada hari Jumaat dan Sabtu. Perlumbaan itu disiarkan secara langsung ke 130 buah negara.

-- BERNAMA

RV RV AKD